

MUTIARA BERITA



PERSEKUTUAN PERKUMPULAN WANITA SARAWAK
SARAWAK FEDERATION OF WOMEN'S INSTITUTES

Bil. 144 JAN-DIS 2023





Hak cipta terpelihara. majalah ini atau sebarang bahagian daripadanya tidak boleh dikeluarkan atau digunakan dalam apa-apa cara sama sekali tanpa kebenaran bertulis yang jelas dari penerbit kecuali untuk penggunaan petikan ringkas dalam ulasan buku.

Sebarang ubahsuai dan suntingan perlulah berhubung dengan pihak Pesekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) di emel berikut: ibupejabatppws@gmail.com

Diterbitkan oleh:

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)

Ibu Pejabat PPWS

Tingkat 1, Sublot 1, Lot 68-71

Jalan Green, 93150 Kuching

Sarawak

No. Tel: 082-244015

Laman Web: www.ppws.org.my

Majalah Mutiara Berita diterbitkan secara tahunan

Isi Kandungan

NO.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	Jamuan Bersempena Hari PPWS 2023	
2	Perutusan Ketua Editor Buletin	
3	Perutusan Pengerusi Negeri PPWS	
4	Persidangan Ke-30 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW)	
5	Bengkel Perancangan Strategik Cawangan PPWS Sesi 2023-2024	
6	Majlis Makan Malam Bersempena Ulang Tahun Ke-61 PPWS Peringkat Negeri Sarawak	
7	Perjumpaan Bersama Panel Penasihat PPWS	
8	Lawatan Keusahawanan PPWS Ke Sabah	
9	<i>Workshop on Impact Measurement for Effective Projects</i>	
10	Buletin PPWS Cawangan Kuching/Samarahan	
11	Buletin PPWS Cawangan Sri Aman	
12	Buletin PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit	
13	Buletin PPWS Cawangan Miri/Bintulu	
14	Buletin PPWS Cawangan Limbang/Lawas	

Perutusan

KETUA EDITOR PPWS

Edisi 144 (Januari - Disember 2023)



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Edisi kali ini menjanjikan banyak informasi bermanfaat, perkembangan terkini, dan cerita inspiratif daripada semua ahli di seluruh Sarawak bersesuaian slogan PPWS iaitu Bijak, Cekap,

Bermaklumat. Buletin ini juga memberikan liputan menyeluruh mengenai aktiviti terkini yang dijalankan oleh PPWS daripada bengkel peningkatan diri hingga ke program bercorak komuniti.

Semoga ini memberi dorongan kepada semua ahli untuk menganjur lebih banyak lagi program dan turut serta dalam aktiviti yang dijalankan oleh PPWS. Kami sidang redaksi buletin juga mengalu-alukan sumbangan, idea, dan sokongan daripada semua ahli. Jika anda mempunyai artikel, cerita kejayaan, atau cadangan untuk dimuatkan pada edisi yang akan datang. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan buletin ini. Semoga Mutiara Berita ini menjadi sumber inspirasi dan maklumat yang bermanfaat bagi semua ahli PPWS.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Dr Azlina Bujang
Ketua Editor Buletin
Mutiara PPWS

SIDANG REDAKSI BULETIN

KETUA EDITOR:

Dr Azlina Bujang

PENULIS:

Dr Azlina Bujang
Rohanniza Amika
Siti Aishah Rohiban
Dyg Noor Ruzaliny Awg Jamain
Maimunah Yusof
Sofiani Usop
Nurul Izza Hanis
Mohd Dol Sulaiman

PEREKA GRAFIK:

Izwan Fazlizan Fauzi

JOM DAFTAR SEKARANG

BIDANG PROGRAM/AKTIVITI ANJURAN PPWS

Pengurusan Organisasi & Kepimpinan
Pendidikan & Latihan
Kesejahteraan Keluarga
Khidmat Masyarakat
Sosial & Rekreasi
Kerohanian
Kesihatan

MAKLUMAT LANJUT LAYARI
www.ppws.org.my

Perutusan

PENGERUSI NEGERI PPWS

Edisi 144 (Januari - Disember 2023)



Assalamualaikum w.b.t,
Salam Sejahtera dan Salam
PPWS.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya Mutiara Berita PPWS Edisi 144 pada tahun ini dapat diterbitkan. Tidak terasa kita sudah berada di penghujung tahun 2023. Mutiara Berita PPWS pada kali ini diberi nafas baru

dan semoga ahli-ahli PPWS mendapat manfaat daripada bahan berita yang disampaikan.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan kepada saya menggalas jawatan Pengerusi Negeri PPWS untuk kali ke-2 bagi sesi 2023-2024 kali ini. Sebelum ini, saya telah diberi tanggungjawab ini dalam PPWS pada sesi 2012-2015.

Saya berharap ahli-ahli PPWS di seluruh Sarawak dapat bekerjasama dengan saya untuk sama-sama meningkatkan pencapaian PPWS di peringkat Negeri dan Kebangsaan, maupun antarabangsa.

Sempena pelbagai aktiviti yang berjaya dijalankan oleh PPWS, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua ahli dan penyokong yang telah memberikan sokongan mereka secara aktif. Kejayaan ini tidak hanya mencerminkan kekuatan dan kesatuan kita sebagai persatuan, tetapi juga memberi inspirasi kepada semua wanita untuk terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Melalui penglibatan dalam NGO seperti PPWS, semangat perpaduan, persefahaman dan persahabatan antara ahli-ahli dapat diterapkan. Penting juga, semangat kerjasama dan nilai toleransi diterapkan dalam diri kita dalam berpersatuan. Seperti contoh, kerjasama dan toleransi antara ahli-ahli dengan Pengelola Cawangan serta Jawatankuasa PPWS di semua peringkat perlu ada agar aktiviti yang dirancang dilaksanakan dengan jayanya dari mula sehingga akhir.

Ahli-ahli PPWS yang saya hormati sekalian,

Bermula tahun hadapan (2024), Ibu Pejabat PPWS mengambil inisiatif untuk mengadakan Kursus Pengurusan PPWS sempena Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS 2024 Peringkat Cawangan bagi memantapkan lagi kefahaman ahli-ahli terutama Jawatankuasa PPWS dalam pengurusan PPWS secara keseluruhannya meliputi keahlian, kepimpinan, kewangan dan aset. Kursus pengurusan

ini penting kerana dengan adanya penganjuran kursus ini dapat membekalkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh Jawatankuasa PPWS untuk mengurus organisasi PPWS dengan lebih efektif dan berkesan bermula dari peringkat akar umbi iaitu di peringkat Perkumpulan, kemudian peringkat Daerah dan seterusnya peringkat Cawangan.

Selain itu, Ceramah Kepimpinan dan Integriti Dalam Pertubuhan Sukarela juga diselitikan dalam kursus ini.

Sebagai Pengerusi, saya ingin mengingatkan kita semua tentang tanggungjawab besar yang dipikul dalam Persatuan ini. Kita memiliki peranan yang penting dalam membina masyarakat yang adil dan saksama, di mana setiap wanita dapat berkembang dengan sepenuhnya. Pada masa yang sama, kita perlu menambahkan keahlian dan melibatkan golongan belia dalam aktiviti dan program kita. Secara tidak langsung, kita dapat mencungkil bakat dan mengenalpasti pemimpin muda masa depan untuk menggerakkan persatuan kita ke hadapan.

Saya ingin mengajak setiap ahli untuk bersatu padu dan memberikan sumbangan idea dan tenaga untuk mencapai matlamat kita. Setiap suara dan usaha kita adalah penting. Hanya dengan bekerjasama kita dapat mencapai perubahan yang diinginkan.

Dengan rendah hati, saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua ahli PPWS atas sokongan dan kerjasama yang berterusan. Semoga kita bersama-sama dalam usaha untuk memperkasa peranan wanita dalam masyarakat.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kerja di Peringkat Perkumpulan, Daerah, Cawangan maupun Induk serta ahli-ahlinya yang telah berjaya menyertai dan memainkan peranan masing-masing dalam membangunkan PPWS.

Sekian, terima kasih.

HAJAH AISHAH EDRIS
Pengerusi Negeri,
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)
Sesi 2023-2024

Jamuan Bersempena Hari PPWS 2023 5 Mei 2023 Hotel Serapi, Kuching

Tema Hari PPWS yang dipilih pada kali ini ialah "Kesaksamaan Wanita Pemangkin Generasi Madani". Majlis telah dirasmikan oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS. Program ini dianjurkan oleh Ibu Pejabat PPWS dengan usahasama PPWS Cawangan Kuching/Samarahan.

Tema Hari PPWS "Kesaksamaan Wanita Pemangkin Generasi Madani" dipilih khusus pada tahun ini untuk ahli-ahli PPWS memahami pengertian bahawa golongan wanita perlu diberi ruang dan peluang yang adil dan sama rata bagi memajukan potensi diri ke arah mewujudkan kehidupan lebih bermakna dan melahirkan generasi yang sejahtera dalam semua hal iaitu dari segi pemikiran, kerohanian, kebendaan dengan menyemai nilai-nilai mumi kekeluargaan.

PPWS mengharapkan agar wanita terus melangkah ke depan selari dengan semangat Malaysia Madani yang mahukan kemakmuran dan kekayaan negara dikongsi dengan adil dan saksama secara inklusif untuk seluruh rakyat tanpa mengeneipkan golongan wanita.

Dalam konteks ini, pendekatan secara komprehensif bagi memartabatkan wanita dalam bidang-bidang utama, iaitu ekonomi, pendidikan,

kesihatan, kepimpinan, keselamatan dan perundangan termasuk bidang politik perlu diperkukuhkan lagi.

Usaha ini mesti berteraskan kepada agama, budaya bangsa dan nilai-nilai mumi. Teras-teras tersebut penting supaya kesaksamaan yang diberikan kepada wanita tidak sampai melampaui batas yang boleh merosakkan diri, keluarga dan masyarakat.

Majlis juga diselitkan dengan sesi ceramah bertajuk Kesedaran Keganasan Rumahtangga di Malaysia turut disampaikan oleh penceramah jemputan, Puan Siti Marnizah Abdul Rahim, Pegawai daripada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Wilayah Persekutuan. Ceramah ini adalah berperanan untuk meningkatkan kefahaman kepada ahli-ahli PPWS tentang perlindungan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan badan NGO kepada wanita dan kanak-kanak yang seringkali menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Selain itu, ianya juga dapat memperingkatkan peranan komuniti dalam menanggapi isu keganasan rumahtangga dan membekalkan informasi kepada orang awam tentang advokasi dan undang-undang yang ada diwujudkan bagi melindungi mangsa keganasan rumahtangga.

Sesi pemotongan kek oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS bersama Tetamu Kehormat lain yang hadir



Persidangan Ke-30 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) 17-25 Mei 2023 Hotel Marriot, Putrajaya

Seramai sebelas (11) orang peserta rombongan PPWS telah menghadiri 30th *Associated Country Women of the World (ACWW) Triennial World Conference* di Putrajaya bermula 17 sehingga 25 Mei 2023. Rombongan telah diketuai oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail, Timbalan Pengerusi Negeri PPWS. Puan Dyg Noor Ruzaliny Awg Jamain, Pengelola Cawangan PPWS Sri Aman.

Women's Institute of Pahang telah menjadi hos kepada persidangan kali ini dan dipengerusikan sendiri oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj. Persidangan kali ini bertemakan "Rural Women in Action".

Untuk makluman, persidangan sebelum ini iaitu 29th *Associated Country Women of the World (ACWW) Triennial World Conference* telah diadakan bertempat di Melbourne, Australia pada tahun 2019, bertemakan "90 Years of Achievements, Building 90 Years of Opportunities". Persidangan dihadiri seramai sembilan (9) orang wakil daripada PPWS. Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS telah menghadiri persidangan ini pada masa itu. Semasa persidangan ini, Puan Norjanah Razali telah dipilih sebagai Presiden ACWW Bagi Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh Bagi Sesi 2019-2023.



↳ Dato Ursula Goh, Bekas ACWW World President yang juga merupakan Ahli Seumur Hidup PPWS turut menyertai persidangan ini dan beliau bergambar dengan ahli ACWW dari negara lain



↳ Dato Hajah Norhyati, Ketua Rombongan PPWS bersama Puan Hajah Dayang Mariam, Exco PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit dan Puan Hajah Hanipah Fauziah, Juru Audit Dalaman PPWS bergambar bersama ahli ACWW



↳ Sesi bergambar rombongan PPWS semasa Malaysian Street Food Showcase bersama Puan Norjanah Razali, Presiden ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh



↳ Lawatan ke Kompleks Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)



↳ Sesi ke-6 Persidangan berlangsung



↳ Ahli-ahli rombongan PPWS semasa Majlis Perasmian Persidangan



↳ Lawatan ke Institut Kraf Negara

Bengkel Perancangan Strategik Cawangan PPWS Sesi 2023-2024 9-11 Jun 2023 Hotel Serapi, Kuching

Hadir menghadiri bengkel ini ialah Pengerusi Cawangan serta Setiausaha Cawangan PPWS seluruh Sarawak dan semua wakil Exco PPWS Cawangan. Dalam bengkel ini, visi dan misi Cawangan telah dibincangkan. Selain itu, bidang/fokus utama Cawangan bagi tahun 2023-2024 turut dikenalpasti selain Cawangan menyenaraikan perancangan aktiviti PPWS Cawangan bagi tahun 2023-2024 dan menyediakan Pelan Tindakan Cawangan.

Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS telah menyediakan format semasa bengkel ini untuk dirujuk Cawangan dan beliau juga telah menjadi Ketua Fasilitator bagi Bengkel Perancangan Strategik ini.

Bengkel Perancangan Strategik adalah penting bagi organisasi untuk merangka strategi jangka panjang dan memastikan semua pihak memahami dan mematuhi strategi tersebut. Bengkel ini juga membantu pihak organisasi untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang dihadapi oleh organisasi.

Tahniah kepada semua yang terlibat menjayakan Bengkel Perancangan Strategik Cawangan pada kali ini.



Wakil PPWS Cawangan Kuching/
Samarahan



Taklimat Bengkel Perancangan
Strategik Cawangan oleh Puan
Hajah Aishah Edris, Pengerusi
Negeri PPWS



Wakil PPWS Cawangan Miri/Bintulu



Puan Ummu Hani Junaidi,
Pengerusi PPWS Cawangan
Sibu/Sarikei/Kapit sedang
membentangkan perancangan
aktiviti



Wakil PPWS Cawangan Limbang/
Lawas



Kumpulan yang mewakili PPWS
Cawangan Sri Aman

Perjumpaan Bersama Panel Penasihat PPWS 15 September 2023 Hotel Pullman, Kuching

Tiga (3) orang Panel Penasihat PPWS yang dilantik ialah Yang Berbahagia Dato Dr Hajah Rashidah Balhassan, Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid dan Puan Lila Tan bersama Jawatankuasa Induk Tertinggi PPWS bagi Sesi 2023-2024. Turut hadir ialah Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS. ➤



Majlis Makan Malam PPWS Bersempena Ulang Tahun Ke-61 Peringkat Negeri Sarawak 8 Julai 2023 Limbang, Sarawak

Majlis Makan Malam PPWS Bersempena Ulang Tahun Ke-61 Peringkat Negeri Sarawak telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan, Timbalan Premier Sarawak bertempat di Hotel Purnama, Limbang. Majlis makan malam ini telah dihoskan oleh PPWS Cawangan Limbang/Lawas.

Lebih kurang lima ratus (500) orang telah hadir memberi sokongan kepada majlis ini. Turut dijemput ialah Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Masyarakat, Pengerusi Badan Bukan Kerajaan (NGO) lain dan ahli-ahli PPWS seluruh Sarawak.

Rakan Strategik PPWS Cawangan Limbang/Lawas seperti Persatuan Pengusaha-Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam dan Pertubuhan Inspirasi Wanita Labuan (LANITA) turut hadir sama memeriahkan majlis ini.

Anugerah Tokoh PPWS 2023 turut disampaikan pada malam tersebut kepada Puan Hajah Rusnah Hasbollah dan Puan Jamillah Pangkat.



Keibaan Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan



Turut hadir ke Majlis Makan Malam ini ialah YB Datuk Haji Hasbi Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen Limbang dan YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman Haji Ismail, ADUN Bukit Kota



Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri bersama Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS dan Puan Suryah Jinin, Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas bersama Tetamu Kehormat memotong kek khas sempena ulang tahun ke-61 PPWS

Workshop on Impact Measurement For Effective Projects 26 September 2023 Kuala Lumpur, Malaysia

Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS telah dipilih menghadiri bengkel di Kuala Lumpur berkenaan Impact Measurement for Effective Projects anjuran NGO Hub Asia.

Bengkel Impact Measurement For Effective Projects bertujuan untuk membantu peserta memahami dan mengaplikasikan kaedah pengukuran impak dalam projek mereka. Bengkel ini membincangkan konsep-konsep seperti teori perubahan, penilaian impak, logik program, dan banyak lagi.



Puan Rhohanniza Amika bersama tenaga pengajar bengkel, Encik Chun Wah Hoo dan peserta program

Lawatan Keusahawanan PPWS Ke Sabah 10 - 14 Oktober 2023

Lawatan Keusahawanan PPWS ke Sabah iaitu di Kota Kinabalu dan Kundasang telah memberi pengalaman baru kepada usahawani PPWS dan Ahli Jawatankuasa Induk dalam bidang keusahawanan dan memberi suntikan semangat kepada mereka untuk memajukan lagi perusahan produk PPWS di peringkat Perkumpulan, Daerah maupun Cawangan.

Lawatan merangkumi ke tempat perniagaan kraftangan, tekstil, inap desa dan produk kecantikan selain mengadakan hubungan strategik dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) dan IKSnita. Pengusaha turut berkongsi pengalaman dan kejayaan mereka dalam mengusahakan perniagaan yang diceburi mereka.

Keusahawanan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Keusahawanan membantu meningkatkan pendapatan negara dan menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Lawatan keusahawanan sebegini dapat membantu individu mempelajari aktiviti keusahawanan dan meningkatkan pengetahuan mereka mengenai bidang perniagaan.

PPWS turut memperkenalkan Pertubuhan ini di Sabah dengan menerangkan objektif penubuhannya dan aktiviti yang telah dianjurkan untuk memajukan wanita di Sarawak.

Rombongan lawatan telah disertai seramai lima belas (15) orang daripada PPWS dan rombongan diketuai oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS.



➤ Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS bersama Datuk Hajah Dayang Khatijah, Presiden Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Wanita Bumiputera Sabah (IKSnita) semasa lawatan ke salah satu tempat perusahan di bawah IKSnita iaitu di Pusat Kraftangan dan Batik bertempat di Yayasan Sabah



➤ Rombongan PPWS dibawa oleh IKSnita ke Galeria Artisan



➤ Puan Hajah Aishah Edris, mengetuai rombongan PPWS ke Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) memberi cenderamata kepada Puan Salbiah Aman, Timbalan Pengarah JHEWA.



➤ Rombongan PPWS melawat Dayana Green Hill Homestay, Kundasang dan berpeluang mendengar perkongsian berkenaan profil perusahaan dan perjalanan perniagaan inap desa ini.



➤ Lawatan ke tempat menghasilkan produk melalui kerja jahitan dan mendengar perkongsian daripada pengusaha MJ by Mus

Buletin PPWS Cawangan Kuching / Samarahan

Sukaneka Sempena Sambutan Tahun Baru
1 Januari 2023



Aktiviti pembukaan tahun 2023 dari PPWS Perkumpulan Sebat Baru, Sematan mengadakan aktiviti sukaneka sempena sambutan tahun baru.

Majlis Makan Malam Bersempena Mesyuarat Cawangan PPWS Sesi 2023-2024 28 Januari 2023



Program Senam Sihat ini dianjurkan oleh PPWS Daerah Simunjan. Seramai 70 orang ahli menyertai program tersebut. Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Alwa Idris dan Yang Berhormat Puan Rodiyah Sapiee. Program ini menggalakan ahli untuk mempraktikkan gaya hidup yang sihat.

Mesyuarat Perwakilan PPWS Cawangan Kuching/ Samarahan Sesi 2023-2024 29 Januari 2023



Pemilihan Jawatankuasa Sesi 2023-2024 telah diadakan di Dormani Hotel, Kuching. Tahniah diucapkan kepada Puan Hasmah Sauni Samat kerana sekali lagi dipilih menjadi Pengerusi Cawangan bagi Sesi 2023-2024. Terima kasih juga diucapkan kepada Puan Hajah Hamdiah Haji Mat di atas bimbingan, amanat dan kerjasama semasa beliau menjadi Exco Cawangan selama 2 penggal.



Jom Senam Sihat 25 Februari 2023

Program ini dianjurkan bagi menghargai Exco Cawangan dan Jawatankuasa Cawangan Kuching/Samarahan Sesi 2021-2022 di atas kerjasama dalam menjalankan aktiviti sepanjang sesi tersebut. Tema bagi Majlis Makan Malam "Jeans". Program ini dihadiri oleh ahli-ahli dari semua daerah di bawah PPWS Cawangan Kuching/Samarahan seramai 70 orang ahli.

Program di Pusat Sokongan Sosial Komuniti Kuching



» 9 September 2023 Senaman Tai Chi telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kuching WI. Sama seperti senaman lain, pergerakan tai chi merangsang badan untuk menghasilkan hormon endorfin yang membuatkan seseorang berasa 'selesa dan gembira'.



» 4 Mac 2023 Bengkel Penghasilan Baja Organik ialah aktiviti dianjurkan oleh Perkumpulan Penguwaris. Ahli dapat mempelajari teknik pembuatan kompos dan menggalakan ahli agar dapat menghasilkan baja organik sendiri.



» 11 Mac 2023 Demonstrasi Masakan Daging Masak Putih dari Perkumpulan Green ini merupakan aktiviti sokongan untuk mendekatkan PPWS kepada komuniti. Demonstrasi masakan telah ditunjuk ajar oleh Puan Hamidah Muhammad.



» 16 Julai 2023 Perkumpulan Matang telah membuat demonstrasi Kek Roll. Cara membuat 2 jenis kek telah ditunjukkan dan ahli-ahli juga diberi peluang untuk mencuba membuat kek roll.



» 21 Julai 2023 Dengan kerjasama Pusat Latihan Kraftangan Epal Kuching seramai 10 orang ahli dan 2 orang tenaga pengajar telah menyertai kelas jahitan membuat topi dan beg.



» 26 Ogos 2023 Demonstrasi Kraftangan dari Perkumpulan Annah Rais. Aktiviti ini memberi pendedahan dan tunjuk ajar secara hands-on kepada ahli berkaitan teknik pembuatan kraf.



» 27 Ogos 2023 Demonstrasi Kerabu Jawa/Keluban dari Perkumpulan Sri Arjuna ini memperkenalkan keunikan tradisi Jawa kepada ahli.

Kembali Ke Sekolah



- 12 Mac 2023 Program Kembali Ke Sekolah merupakan satu program amal komuniti bertujuan untuk membantu persediaan pelajar-pelajar di Kampung Bintawa. Program ini dianjurkan oleh PPWS Perkumpulan Bintawa, Kuching untuk memberi fokus kepada keluarga yang kurang berkemampuan.



- Aktiviti gotong-royong menyediakan makanan untuk tetamu oleh PPWS Perkumpulan Sebat Melayu untuk program Kembali Ke Sekolah bersama JAKIM pada 9 sehingga 10 Mac 2023.

Bubur Lambuk, Bubur Pedas dan Bubur Kacang Pada Bulan Ramadan



- PPWS Perkumpulan Bau Town mengadakan gotong-royong membuat bubur lambuk untuk di agihkan di kawasan sekitar.



- PPWS Daerah Simunjan bekerjasama dengan RTM untuk gotong-royong membuat bubur lambuk dan bubur pedas. Program ini diadakan di Masjid Besar Kampung Lot, Simunjan.



- PPWS Perkumpulan Orchid, Kuching turut bekerjasama dengan Merilin Hotel dan Lions Club of Kuching bagi mengagihkan bubur lambuk sempena bulan puasa di salah sebuah Stesen Minyak Shell di Batu Kawa. Turut hadir dalam sesi agihan ialah Puan Hasmah Sauni Samat, Pengerusi PPWS Cawangan Kuching/Samarahan.



- PPWS Perkumpulan Matang telah mengadakan program membuat bubur pedas sempena bulan Ramadhan. Seramai 40 orang ahli dari perkumpulan menyertai gotong-royong membuat bubur pedas. Wakil dari Cawangan dan Daerah Kuching juga turut serta dalam program ini.



- PPWS Perkumpulan Sri Kandi membuat bubur kacang di Masjid Darulhana Patingan, Kampung No.6, Kuching. Program ini salah satu program amal di bulan Ramadhan.

Ceramah Kesihatan dari Klinik Kesihatan Sematan 17 Mac 2023



PPWS Perkumpulan Kampung Siru Dayak mengambil peluang untuk memahami dan mengamalkan segala kebaikan yang diperolehi dalam ceramah-ceramah kesihatan di Rumah Panjang Kampung Siru Dayak. Ahli PPWS dinasihatkan agar menjaga kesihatan masing-masing dan perlu mengambil perhatian sebarang penyakit yang dihadapi dan membuat pemeriksaan kesihatan dan teruskan amalan gaya hidup yang sihat.

Kembara Kasih Wanita Sarawak 19 Mac 2023



Perandingan Masakan Ala Kampung Menu Rahmah Sempena Kembara Kasih Wanita anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah dikelolakan oleh PPWS Daerah Lundu pada hari ini. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sumbangan Bakul Ramadan Mac 2023



PPWS Daerah Kuching pada bulan Ramadhan tidak akan melepaskan peluang memberikan sumbangan kepada golongan asnaf, ibu tunggal, warga emas dan rumah kebajikan di kawasan Kuching. Ini adalah program wajib pada setiap tahun.

Ramah Tamah Aidilfitri April 2023



Majlis ramah-tamah Aidilfitri dalam sesebuah organisasi merupakan antara platform terbaik bagi mengeratkan talian silaturahim sesama ahli PPWS.

Kelas Membuat Roti dan Bun 4 Mei 2023



Program ini telah dihadiri oleh 30 orang peserta dari PPWS Perkumpulan Kampung Kakai, Serian yang terdiri daripada suri rumah dan juga usahawan. Program ini telah diadakan di Dewan Kampung Kakai. Objektif kelas ini diadakan adalah bertujuan untuk mengajar teknik-teknik asas membuat roti dan bun. Peserta telah diajar 4 jenis roti dan bun, tips dan teknik dengan mudah dan ringkas. Program ini juga dapat membantu PPWS Perkumpulan Kampung Kakai memupuk minat membuat roti dan bun dan dapat membantu suri rumah menjalankan perniagaan kecil-kecilan.

Seminar Kesedaran Keganasan Rumah Tangga di Sarawak 6 Mei 2023



Seminar Kesedaran Keganasan Rumahtangga Di Sarawak telah diadakan dengan jayanya pada hari ini di Pusat CSSC Kuching. Ini merupakan siri 1 penganturan seminar ini, manakala siri 2 nanti akan diadakan di Bintulu pada hujung bulan Mei 2023. Pengerusi Negeri PPWS, Puan Hajah Aishah Edris telah menutup rasmi seminar tersebut dan beliau menyeru mangsa-mangsa keganasan khususnya wanita untuk tampil ke hadapan dan membuang stigma perasaan malu kerana masalah tersebut harus ditangani bersama. Usaha untuk mengekang masalah keganasan rumah tangga bukan tanggungjawab individu atau mangsa mahupun kerajaan semata-mata, sebaliknya penglibatan semua pihak termasuk orang sekeliling mangsa, jiran tetangga dan rakan sekerja adalah amat penting. Setiap individu di negeri ini berhak untuk berasa selamat dan bebas menjalani rutin hidup harian.

Membuat Rantai dan Gelang Manik bersama Pelajar UNIMAS 20 Mei 2023



Pelajar UNIMAS sekali lagi bekerjasama dengan PPWS Perkumpulan Kampung Atas, Bau membuat rantai dan gelang menggunakan manik. Tahun ini adalah tahun kedua aktiviti ini dijalankan.

Aktiviti menghasilkan kraftangan yang diperbuat daripada manik antara kraftangan yang berjaya dihasilkan dan aktiviti ini dapat meningkatkan kebolehan dan kemahiran psikomotor halus. Rantai manik turut mendapat tempahan daripada orang ramai dan pembuatannya agak mudah dengan hanya menggunakan tali tangsi.

Mengunjungi Ahli PPWS 23 Mei 2023



Hari Ibu lazimnya disambut untuk menunjukkan tanda penghargaan kepada wanita yang telah mengorbankan kehidupannya demi kebahagiaan anak mereka. Sempena sambutan Hari Ibu, PPWS Daerah Bau membuat aktiviti mengedar bunga di sekitar pasar Bau. Aktiviti ini turut disertai oleh Yang Berhormat Tuan Mordai Bimol bersama isteri beliau.

Sambutan Hari Ibu 20 Mei 2023



Tujuan aktiviti kunjung mengunjungi ini adalah untuk bertanya khabar dan mengeratkan hubungan silaturahim, disamping untuk mengelak terputusnya hubungan persaudaraan dan persahabatan. PPWS Perkumpulan Green menziarahi ahli lama yang kurang sihat Puan Hajah Ramlah Ismuni Ahli Seumur Hidup PPWS dan Puan Nona Bohari yang satu masa dahulu aktif dalam Perkumpulan Green.

Program Wanita Bangkit 10 Jun 2023



Program Wanita Bangkit telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri. Program tersebut bertujuan memperkasa ekonomi kumpulan sasaran khususnya wanita dengan mengoptimalkan potensi individu berdasarkan bidang kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan sepenuhnya. Ahli PPWS Daerah Bau menyertai program ini.

Majlis Penutupan Gawai Dayak dan Jalinan Kasih 25 Jun 2023



Majlis ini dianjurkan oleh PPWS Daerah Bau dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Morai Bimol P192 Mas Gading. Objektif penganjuran majlis ini ialah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli dan masyarakat serta menggalakan kerjasama dan penglibatan diri secara aktif.

Sambutan Hari Wanita PPWS 8 Julai 2023



Sambutan Hari Wanita PPWS diadakan adalah bagi menghargai sumbangan dan pencapaian wanita dalam pelbagai bidang seperti budaya, politik, pendidikan, kesihatan serta sosioekonomi. Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Wife Mangin Ahli Parlimen P.198 Puncak Borneo. Seramai 800 orang ahli PPWS menyertai program tersebut.

Program ACWW Women Walk The World 2023 5 Ogos 2023



ACWW Women Walk The World 2023 anjuran PPWS Cawangan Kuching/Samarahan dengan kerjasama PPWS Kota Samarahan telah berlangsung di Sadong Jaya. Antara aktiviti yang diadakan ialah aktiviti berjalan kaki beramai-ramai, sukaneka dan pertandingan masakan. Program turut dihadiri oleh Puan Norjanah Haji Razali, Mantan Presiden Associated Country Women of the World (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh dan Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS.

ACWW Dinner Night 5 Ogos 2023



Majlis ACWW (Associated Country Women of the World) Dinner Night 2023 telah disempumakan oleh Yang Berhormat Rodiyah Sapiee Ahli Parlimen P200 Batang Sadong. Tahniyah kepada jawatankuasa pelaksana program PPWS Sadong Jaya di atas kejayaan penganjuran majlis pada malam ini. Syabas kepada PPWS Daerah Simunjan juara poco-poco. Tahniyah juga PPWS Daerah Kuching terpilih sebagai penganjur majlis ACWW tahun 2024 kelak. Turut hadir wakil wanita PPWS dari daerah Lundu, Bau, Serian, Sebuyau, Kuching & Simunjan. Program ini adalah program tahunan yang dianjurkan oleh daerah di bawah Cawangan Kuching/Samarahan.

Kursus Asas Membuat Kuih Tradisional Cina 12 Ogos 2023



Sambutan Hari Wanita PPWS diadakan adalah bagi menghargai sumbangan dan pencapaian wanita dalam pelbagai bidang seperti budaya, politik, pendidikan, kesihatan serta sosioekonomi. Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Willie Mangin Ahli Parlimen P.198 Puncak Borneo. Seramai 800 orang ahli PPWS menyertai program tersebut.

Karnival PPWS 12 Ogos 2023



PPWS Perkumpulan Matang, Kuching mengadakan Karnival PPWS di Arena Futsal Lee Ling, Matang. Pengerusi Negeri PPWS, Hajah Aishah Edris, Bendahari Kehormat PPWS, Hajah Kamariah Haji Harmi serta Exco Cawangan Kuching/Samarahan, Dr. Azlina Bujang turut hadir dalam program ini. Pelbagai aktiviti yang diadakan antara nya ialah pertandingan mewarna kanak-kanak, sukaneka, karaoke, pertandingan memasak, pertandingan gubahan hantaran, cabutan bertuah dan jualan pelbagai produk serta makanan.

Bengkel Inovasi Sumber Alami Nusantara 19 Ogos 2023



Program Khidmat Masyarakat UTM Cawangan Sarawak, Universitas Muhammadiyah Indonesia bersama PPWS Daerah Sebuyau mengadakan Bengkel Inovasi Sumber Alami Nusantara bertempat di Dewan Pembangunan, Sebuyau. Aktiviti yang dijalankan ialah bengkel pembuatan fas tangan (tempurung kelapa), pembuatan sabun aroma terapi dan bengkel pengalahan.

Program Amal PPWS 21 Ogos 2023



PPWS Perkumpulan Matang, Kuching membuat kerja amal di Damai Beach Resort. Program ini bertujuan untuk membantu pemuliharaan kawasan pantai. Program ini akan memberi penerangan tentang kepentingan kebersihan yang turut mempengaruhi faktor kesihatan diri serta menyemai semangat kerjasama antara ahli untuk bergotong-royong bagi membersihkan kawasan pantai dan membawa nilai murni sayangkan alam sekitar.

Jelajah PPWS 2-5 September 2023



PPWS Cawangan Kuching/Samarahan mengadakan Program Jelajah PPWS di daerah Kapit dan daerah Sibul. Seramai 30 orang ahli mengikuti program ini Jawatankuasa Cawangan dan beberapa orang ahli. Pelbagai aktiviti diadakan seperti demonstrasi, lawatan dan majlis makan malam.

Sambutan Hari Malaysia 16 September 2023



Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia di mana Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia pada tahun 1963. PPWS Daerah Serian telah mengadakan Sambutan Hari Malaysia di padang SK. St. Dominic, Pichin Serian.

Sumbangan Mangsa Kebakaran 17 September 2023



PPWS Perkumpulan Matang, Kuching telah melawat dan menyerahkan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Batu Kawa. Pemberian ini dapatlah meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga berkenaan. Sumbangan berkenaan adalah satu daripada tanggungjawab sosial dan tanda prihatin kepada masyarakat.

Pesta Simunjan Pertandingan Gerak Kreatif 20 September 2023



Program Pertandingan Gerak Kreatif (Zumba) bersempena Pesta Simunjan telah diadakan di Pentas Rakyat, Padang Sentral Simunjan. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan potensi sedia ada pada peserta berkaitan ritma, kreativiti, kebebasan dan pengucapan.

Pertandingan Memancing dan Sukaneka 23 September 2023



PPWS Perkumpulan Kampung Atas, Singai Bau telah mengadakan pertandingan memancing dan sukaneka. Program ini turut dihadiri Yang Berhormat Tuan Mardi Bimol. Objektif utama program ini dapat memupuk semangat muhibah dan kerjasama antara ahli PPWS masyarakat serta menggalakkan dan menjadikan aktiviti memancing sebagai satu aktiviti yang berfaedah serta menarik minat masyarakat tentang aktiviti memancing.

Program Kesedaran Kanser Payudara



Bulan Oktober adalah bulan Kesedaran Kanser Payudara. PPWS sekali lagi bekerjasama bersama Pink Ribbon Support Group Sarawak mengadakan program di dua daerah iaitu Daerah Lundu/Sematan dan Daerah Simunjan. Program ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan orang ramai selain mendidik dan menyokong mereka yang menghidap kanser ini. Kanser payudara merupakan kanser paling tinggi di kalangan wanita di dunia.

Kursus Kek & Bun



PPWS Daerah Simunjan mengadakan kursus ini bertujuan menambah kemahiran untuk menghasilkan roti bun dan kek yang terbaik sekali gus dapat menambahkan pendapatan usahawan kecil di daerah tersebut.

Jungle Trekking PPWS bersama Persatuan Orchid Sarawak 18 Oktober 2023



PPWS Perkumpulan Kampung Atas, Bau bersama Persatuan Orchid Sarawak menjalankan aktiviti jungle trekking. Salah satu aktiviti rekreasi luaran berkembara atau menjelajah hutan dengan tujuan mendekati alam semula jadi secara lebih dekat. Fokus utama bagi modul jungle trekking adalah latihan ketahanan diri bagi menaikkan stamina dan kesihatan tubuh badan selain memberikan daya fokus dan kepentingan terhadap alam sekitar.

Bengkel Pelabelan Produk Secara Digital 25 November 2023



Pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, UNIMAS telah membantu Usahanita PPWS dalam satu bengkel Pelabelan Produk Secara Digital yang diketuai oleh Pensyarah UNIMAS Dr Fatimah Ramli. Objektif bengkel ini dapat meningkatkan imej produk dari segi rekabentuk pelabelan mengikut kehendak usahanita dan juga menambahkan pembungkusan produk. Pelabelan produk merangkumi rekabentuk, analisa nutrisi dan jangka hayat produk.

Tips Dan Teknik Untuk Menguasai Gmail 10 Disember 2023



PPWS telah bekerjasama dengan pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, UNIMAS diketuai oleh Pensyarah UNIMAS Puan Rosita dalam bengkel Tips dan Teknik Menguasai Gmail. Objektif bengkel diadakan memahami konsep asas penggunaan Gmail bagi tujuan pentadbiran, memahami ciri-ciri Google Form untuk tujuan pengisian barang serta mengajar tentang fungsi utama Google Drive terutamanya dalam memuat naik fail. Seramai 18 orang ahli mengikuti bengkel tersebut.

Majlis Perasmian Projek Bakeri Usahanita PPWS Daerah Simunjan 14 Disember 2023



Yang Berhormat Rodiyah Sapiee Ahli Parlimen P200 Batang Sadong telah merasmikan Majlis Perasmian Projek Bakeri Usahanita PPWS Daerah Simunjan. Turut sama dalam majlis tersebut ialah Yang Berhormat Encik Awla Idris ADUN N.25 Simunjan, Puan Hajah Aishah Edris Pengerusi Negeri PPWS dan Puan Norjanah Haji Razali Naib Pengerusi PPWS. Projek bakeri ini untuk membantu ahli-ahli di Daerah Simunjan untuk menambah pendapatan mereka serta dapat mempelajari cara pembuatan roti. Roti-roti yang dihasilkan akan dibekalkan kepada sekolah, kedai runcit dan pembelian atas talian.

Buletin PPWS Cawangan Sri Aman

**Mesyuarat Perwakilan PPWS
Daerah Saratok
8 Januari 2023**



Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Saratok yang diadakan di Bilik Gerakan GPS Kabong. Seramai 48 ahli ppws daerah saratok yang telah menghadiri mesyuarat tersebut termasuk Pengerusi Cawangan Sri Aman, Hajah Frida Binti Abdul Sani. Mesyuarat ini bertujuan untuk melapor laporan tahunan 2022, merangka aktiviti tahun 2023, pembubaran ahli jawatankuasa sesi 2021-2022 dan melantik jawatankuasa baru sesi 2023-2024.

**Lawatan Penanda Aras PPWS
Cawangan Sri Aman Ke Sabah
13-15 Januari 2023**



Lawatan Penanda Aras Ahli Jawatankuasa PPWS Cawangan Sri Aman ke Sabah adalah salah satu aktiviti untuk menghargai komitmen dan sokongan daripada ahli jawatankuasa cawangan sri aman. Rombongan ini telah membuat lawatan ke Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah dan disambut baik oleh Timbalan Pengarah JHEWA, Puan Salbiah Aman. Selain itu, mereka juga turut melawat ke Persatuan Wanita Sabah (PEWASA) dan Perusahaan Usahawan IKS Mart di Ranau.

Mesyuarat Perwakilan Daerah Sri Aman dan Cawangan Sri Aman 29 Januari 2023



Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Sri Aman dan Cawangan Sri Aman yang diadakan di Dewan Khulafa Ar-Rasyidin. Mesyuarat ini bertujuan untuk melapor laporan tahunan 2022, merangka aktiviti tahun 2023, pembubaran ahli jawatankuasa sesi 2021-2022 dan melantik jawatankuasa baru sesi 2023-2024.

Majlis Makan Malam Sempena Tahun Baru Cina 6 Februari 2023



Majlis Makan Malam bersempena Tahun Baru Cina Perkumpulan Simanggang Town ini adalah untuk mengutip dana perkumpulan tahun 2023. Gambar kenangan bersama YB Dato Sri Doris Sophia Brodie, Ahli Parlimen P. 202 Sri Aman dan para pemenang Pertandingan Ratu Cheongsam di Restoran Golden City.

Sumbangan Ihsan PPWS Kepada Golongan Yang Memerlukan



➤ Sumbangan ikhlas daripada PPWS Perkumpulan Kampung Hulu kepada Puan Jabaah Binti Sarkawi diatas pemergian anakanda tercinta. Sumbangan telah diserahkan oleh Pengerusi Perkumpulan, Puan Haslina Binti Kassim pada 7 Februari 2023.



➤ PPWS Perkumpulan Kampung Melango Lama memberikan sumbangan kepada anakanda Timbalan Pengerusi perkumpulan mereka yang telah selamat menjalani pembedahan usus pada 24 februari 2023.



➤ Sumbangan ikhlas PPWS Perkumpulan Kampung Sessang kepada salah seorang ahli Sesang pada 28 februari 2023.



➤ Sumbangan ikhlas daripada PPWS Cawangan Sri Aman kepada keluarga Allahyarhamah Dyg Siti Hawa Bt Hj Abg Merais, Ahli PPWS Perkumpulan Kampung Hilir Sri Aman pada 13 Mei 2023.

Majlis Semarak Kasih Budimu Disanjung Jasamu Dikenang 12 Februari 2023



« Majlis ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada jawatankuasa 2021-2022 dan memperkenalkan jawatankuasa baru sesi 2023-2024. Majlis tersebut dihadiri oleh Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman, Pn Hjh Frida Binti Abdul Sani, Pengerusi PPWS Daerah Sri Aman, Pn Saniah Binti Julhi dan Pengelola PPWS Sri Aman, Pn Dyg Noor Ruzaliny

Program Ilmu Ke Rumah 16 Februari 2023

Program ilmu ke rumah anjuran Pejabat Daerah Pusa yang dihadiri oleh PPWS Perkumpulan Pusa di Masjid Rahmaniah, Kampung Pusa. Sesi ceramah dan buku panduan solat pesakit oleh Ustaz Haji Mohd Syariffudin bin Haji Abdul Kadir, Ketua Penolong Mufti Bahagian Fatwa



Mesyuarat Perwakilan Induk PPWS 24-26 Februari 2023

« Seramai tujuh delegasi PPWS Cawangan Sri Aman termasuk pengelola cawangan sri aman mengikuti Mesyuarat Perwakilan Induk di Imperial Hotel Miri. Untuk sesi 2023-2024, Puan Hamdiah Haji Mat dan Puan Masnah Haji Ramli telah dilantik sebagai Exco PPWS Cawangan Sri Aman.



Program Berjalan Untuk Kesihatan 24 Februari 2023

Program Berjalan untuk Kesihatan anjuran PPWS Daerah Saratok ini bertujuan untuk memastikan ahli-ahli sentiasa sihat dan cergas dalam melakukan aktiviti seharian. Seramai 25 orang ahli telah mengikuti program pada hari tersebut.



Kabong Kite Festival 1-5 Mac 2023



- Perkumpulan Kabong telah terlibat dengan Program Kabong Kite Festival yang merupakan program antarabangsa dan mereka dilantik sebagai pemantau bahagian catering pada program yang diadakan pada 1 hingga 5 mac 2023 itu di Pantai Tanjung Kembang Kabong.

Mesyuarat Serah Tugas 12 Mac 2023



- Mesyuarat Serah Tugas PPWS Cawangan Sri Aman dan PPWS Daerah Sri Aman telah diadakan di Bangunan PPWS Sri Aman. Mesyuarat serah tugas ini bertujuan untuk menyerahkan laporan yang berkaitan tahun 2021-2022 kepada jawatankuasa baru sesi 2022-2023. Turut hadir semasa mesyuarat tersebut ialah Pengerusi PPWS Daerah Saratok Puan Hj Masina dan Naib Pengerusi Daerah Saratok Puan Sayang Salim.

Lawatan Ke Sabah Sempena Hari Wanita Antarabangsa 4-7 Mac 2023

Lawatan Perkumpulan Kampung Pasir Panas ke Sabah Sempena Hari Wanita Antarabangsa 2023. Lawatan ini bertujuan untuk menghargai ahli perkumpulan tersebut dan meraikan Hari Wanita Antarabangsa di salah sebuah restoran di Sabah.



Sukaneka PPWS Daerah Saratok 18 Mac 2023

PPWS Daerah Saratok telah mengadakan sukaneka bersempena Sambutan Hari Wanita 2023. Ia nya diadakan di Gelanggang Kampung Melango Lama, Saratok.



Sambutan Hari Wanita 18 Mac 2023



PPWS Kampung melayu Roban bersama biro wanita roban telah menganjurkan Sambutan Hari Wanita di Gelanggang Futsal Kampung Melayu Roban.

Program Gotong Royong



- Program gotong royong pada 18 Mac 2023 di Surau Kpg Hilir Sri Aman anjuran PPWS Perkumpulan Kpg Hilir Sri Aman bersama Jiranwanita KRT Baru Hilir dan KPI kemas Kpg Hilir sempena menjelang bulan ramadhan.



- Program gotong royong sempena menyambut bulan Ramadhan pada 19 Mac 2023 di Surau Riadhus Salihin Kampung Pangkat. Gabungan bersama PPWS Perkumpulan Kampung Pangkat dan JKKK Kampung Pangkat.

Program Agihan Bubur Pedas dan Bubur Lambuk Sempena Bulan Puasa



- Perkumpulan Kampung Stawang
19 Mac 2023



- Perkumpulan Kampung Pusa
8 April 2023



- Program Bubur Asyura dan Bubur Pedas anjuran PPWS Cawangan Sri Aman
1 April 2023



- Program Jerayawara Bubur Lambuk Peringkat Negeri Sarawak - PPWS Daerah Saratok berkolaborasi dgn Seberkas Kalaka dan Krian
28 Mac 2023

Program Bakul Makanan 7 April 2023



- Program Agihan Bakul Makanan ini adalah anjuran Perkumpulan Kampung Hilir Sri Aman Kerjasama dengan Baitumal Sri Aman. Program ini bertujuan untuk meringankan beban dan memberi sedikit sumbangan pada bulan Ramadhan. Agihan ini telah diberikan kepada 20 orang ahli perkumpulan ppws kpg hilir dan ibu tunggal di kawasan sekitarnya.

Program Iftar Ramadan 7 April 2023



- Program iftar Ramadan PPWS Daerah Saratok di Gelanggang Bola Tampar Saratok



- Sumbangan ikhlas juga turut diberikan kepada wakil Allahyarhamah Pn Norlee bt Seruji (ahli PPWS Kpg Bunga Raya).

Sambutan Ramah Tamah Aidilfitri



- Perkumpulan Kampung Murah
27 Mei 2023



- PPWS Daerah Saratok
7 Mei 2023



- Perkumpulan Suak A Meludam
18 Mei 2023



- Majlis Ramah Aidilfitri pada 1 Mei 2023 anjuran JKKK Kampung Agropolitan Seduku, FELCRA Berhad(Kawasan Batang Lupar), WADIRA FELCRA, KPR FELCRA, Belia FELCRA, Jawatankuasa Masjid AHijrah Kampung Agropolitan, KRT Zon A, KRT Zon B dan PPWS Kampung Agropolitan Seduku. Telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dayang Norazah Haji Awang Sahor ADUN N28 Lingga.



- Perkumpulan Kampung Pusa
14 Mei 2023



- Perkumpulan
Sembau
Kampung
20 Mei 2023

Mini Sukaneka 1 Mei 2023



- PPWS Perkumpulan Simanggang Town telah mengikuti Mini sukaneka jemputan Wanita Foochow Association di Mini Stadium dan mendapat Naib Johan dalam pertandingan tersebut.

Program Jom Berambek dan Sambutan Hari PPWS 13 Mei 2023



- Sesi memotong kek

Program Jom Berambek Makan Dan Mesyuarat AJK Perkumpulan 21 Mei 2023



- Gabungan lima Perkumpulan Saratok di kediaman Puan Normi Adenan. Antara Perkumpulan yang mengikuti mesyuarat ialah Kpg Melango Baru, Perkumpulan Kpg Melango Lama, Perkumpulan Kpg Bunga Raya, Perkumpulan Kpg Hulu dan Perkumpulan Kpg Paloh.



Program Jom Berambek dan Sambutan Hari PPWS 2023 Cawangan Sri Aman telah diadakan di Bangunan PPWS Sri Aman. Majlis ini bertujuan untuk menyambut Hari PPWS 2023 dan Majlis Aidilfitri yang telah dihadiri oleh ahli ppws tidak mengira bangsa dan agama. Majlis ini juga diserikan lagi dengan kehadiran EXCO PPWS Cawangan Sri Aman, Puan Masnah Haji Ramli dan Puan Hajah Hamdiah Haji Mat.

Program Penggerak Family On Alert 9-10 Jun 2023



Program Penggerak Family on Alert adalah anjuran OSC Daerah Sri Aman dan AADK Sri Aman. Program ini telah diadakan di Hotel BME Sri Aman. Setiausaha PPWS Cawangan Sri Aman, Puan Yati Morshidi telah menjadi wakil untuk menghadiri program pada dua hari tersebut. Tujuan program ini dilakukan adalah untuk memberi pengetahuan berkenaan perlindungan diri dan keluarga jika terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan cara mengatasi perkara tersebut.

Program Lawatan Belajar 10 Jun 2023



PPWS Perkumpulan Kampung Hulu Saratok telah mengadakan program lawatan belajar ke rumah Pn Jamilah Unai pengusaha kerepek pisang.

Program sampingan "Jom Berambah" juga diadakan dan cabutan fiket bertuah.

Mesyuarat Cawangan Sri Aman bersama Perkumpulan Betong, Pusa, Beladin dan Meludam di Teratak Akal, Pusa. Mesyuarat ini bertujuan untuk mengesahkan status Daerah Betong dan Lubok Antu yang tidak aktif semenjak 2008 dan sesi 2023 telah mengambil keputusan untuk menutup daerah tersebut kerana telah tidak aktif selama 15 tahun. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh dua Exco Cawangan Sri Aman, Masnah Haji Ramli dan Hajah Hamdiah Haji Mat.

Seminar Kesedaran Keganasan Rumah Tangga Di Sarawak 17 Jun 2023



Seminar Kesedaran Keganasan Rumah Tangga anjuran PPWS Daerah Saratok telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Abg Mah Sessang. Seminar ini telah diketuai dan diurus oleh Puan Hajah Masina, Pengerusi PPWS Daerah Saratok. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai isu keganasan rumahtangga dan pihak yang berkaitan bagi membantu wanita dari menjadi mangsa keganasan. Sebanyak 54 peserta dari setiap perkumpulan dibawah daerah saratok mengikuti seminar tersebut. Seminar ini telah dirasmikan oleh S.A.O Kabong, Tuan Ahmad Bin Salleh.

Mesyuarat Berkenaan Status Daerah Betong dan Daerah Lubok Antu 25 Jun 2023



Lawatan EXCO Cawangan Sri Aman Ke Pusa 25 Jun 2023



Lawatan ke Pusat Pemprosesan Gula Apong Koperasi Kariah Masjid Darul Ulum Kalak, Pusa.



Lawatan ke Klang D'Kalsom Kuih Sepit Lemantak. Pengusaha ini merupakan ahli PPWS yang juga ahli kopewanis PPWS, Kalsom Abang Karim.

Program Sesi Libat Urus Bersama Wanita Sri Aman 7 Julai 2023



PPWS Cawangan Sri Aman dan Perkumpulan Simanggang Town menghadiri Program Sesi Libat Urus Bersama Wanita Sri Aman Anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak di Hotel Seri Simanggang. Program ini bertujuan untuk mengenal NGO Wanita dan bantuan yang boleh JWKS berikan kepada Ngo yang memerlukan.

Sambutan Hari Raya Aidiladha 2 Julai 2023



PPWS Kampung Melanga Baru dan PPWS Kpg Melanga Lama telah mengadakan pertandingan mewarna sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha di Anjung Surau Darul Iman, Saratok.

Lawatan Ke Kuching 7-9 Julai 2023



Seramai 40 orang ahli dari Perkumpulan Kampung Sessang dan Kampung Empelam mengadakan lawatan ke Bandaraya Kuching. Lawatan ini bertujuan untuk membawa ahli yang banyak memberi komitmen dalam perkumpulan. Antara tempat lawatan ialah Rumah Sri Kenangan Batu 12 Kuching dan Pusat Jagaan Anak Yatim Nur Mumi. Rombongan ini juga telah dijemput untuk Majlis Makan Malam bersama YB Tan Sri Datuk Amar Asfia, Speaker DUN Sarawak.

Lawatan Muhibbah



- Program Lawatan Muhibbah PPWS Perkumpulan Green, Kuching ke Perkumpulan Kpg Hilir Sri Aman pada 8 Julai 2023 di rumah ahli ppws Dyg Hjh Jamyah Yusuf. Rombongan ini diketuai oleh pengerusi PPWS Green, Dyg Hamidah Abg Hj Mohamad.



- Penyerahan Plug kepada Pengerusi Perkumpulan Matang, Dyg Hamidah Abg Hj Mohamad

Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke 61 Peringkat Negeri 8 Julai 2023



- PPWS Cawangan Sri Aman telah menghadiri Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke 61 Peringkat Negeri (Tuan Rumah PPWS Cawangan Limbang/Lawas) di Hotel Purnama Limbang sebagai tanda sokongan daripada pihak cawangan. Seramai 10 orang yang telah mengikuti Majlis Makan Malam tersebut dan menggunakan pakaian Songket.



- Gambar kenangan di TVS, Lawatan gabungan perkumpulan Kabong



- Program Lawatan Muhibbah Gabungan empat perkumpulan kabong ke perkumpulan Matang pada 1 September 2023. Pihak perkumpulan juga turut membuat demo masakan Tumpik Lemantak (Kabong) dan membuat spaghetti (Matang). Antara tempat lawatan ialah Mama Su Cake House, TVS dan Makan Malam bersama Datuk Abdul Wahab Aziz.

Belajar Membuat Kuih Chang 29 Julai 2023



- Perkumpulan Simanggang Town mengadakan aktiviti belajar membungkus kuih chang bersama Wanita Che Chuan Khor dan kanak-kanak kelas Moral di premis Che Chuan Khor.

Program Lan Berambeh 15 Julai 2023

Program Lan Berambeh anjuran PPWS Perkumpulan Kpg Paloh. 4 Perkumpulan yang terlibat ialah Kpg Melango Baru, Kpg Melango Lama, Kpg Hulu dan Kpg Bunga Raya. Antara aktiviti yang diadakan ialah demonstrasi membuat Bilis merah, Berambeh makan, Cabutan tiket bertuah dan karaoke.



Kursus Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi 8-10 Ogos 2023



Ahli Koperwanis Cawangan Sri Aman iaitu Puan Saniah Julhi dan Mdm Tan Eng Siang telah mengikuti Kursus Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi anjuran Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak di Hotel Seri Simanggang selama 3 hari.

Sambutan Hari Kebangsaan 31 Ogos 2023



Perkumpulan Kpg Hilir Beladin mengadakan perarakan kibarkan bendera sempena sambutan Hari Kebangsaan 31 Ogos 2023 di Waterfront Beladin. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan lagi rasa cintakan negara di kalangan ahli perkumpulan. Seramai 25 orang ahli telah mengikuti program tersebut.

Kursus Pengurusan Jenazah 5 Ogos 2023



Kursus Pengurusan Jenazah anjuran PPWS Cawangan Sri Aman bersama Baitumal Sri Aman di Masjid Besar Bandar Sri Aman. Kursus ini bertujuan untuk memberi garis panduan tentang cara pengurusan jenazah dan menghindarkan amalan khurafat berkaitan pengurusan jenazah. Kursus ini telah disampaikan oleh Ustazah Rukaiyah Zen, Pembantu Hal Ehwal Islam JAIS dan seramai 30 peserta telah mengikuti kursus tersebut.

Program Jelajah Kenali Borneo 12 September 2023



PPWS Cawangan dan Daerah Sri Aman terlibat dalam Program Jelajah Kenali Borneo Yang Di Pertuan Agong, Raja Permaisuti Agong bersama anak-anak nya dan rombongan pihak Istana Negara. PPWS Cawangan Sri Aman telah dijemput untuk membuat demo masakan bubur pedas dan pameran kraftangan oleh ahli ppws sendiri.

Perarakan Maulidur Rasul 28 September 2023



PPWS Cawangan Sri Aman telah mengikuti perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Bahagian Sri Aman yang bertemakan "Sarawak Makmur Ummah Sejahtera". Seramai 20 orang ahli daripada sri aman, betong, lingga dan seduku yang telah menyertai perarakan tersebut.



Gabungan 6 perkumpulan kabong telah mengikuti perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Kabong yang bertemakan "Sarawak Makmur Ummah Sejahtera". Seramai 18 orang ahli telah mengikuti perarakan tersebut.

Program Motorbike Ride 12 September 2023



Program Motor Bike Ride adalah bertujuan Sempena Sambutan Hari Malaysia gabungan 4 perkumpulan saratok iaitu Perkumpulan Melango Baru, Perkumpulan Melango Lama, Perkumpulan Bunga Raya dan Perkumpulan Kpg Hulu Saratok.

"Women Leadership Program" 6-8 Oktober 2023



Ahli Jawatankuasa Cawangan Sri Aman iaitu Pn Yati Morshidi, Pn Sadiyah Serin dan Perkumpulan simanggang town iaitu Mdm Nelly Phang telah mengikuti program anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak " Women Leadership Program" di Hotel Seri Simanggang. Program ini bertujuan untuk memperkasakan Wanita dalam meningkatkan kemahiran dan keyakinan dalam mencapai matlamat dan tujuan professional mereka.

Aktiviti Membuat Kuih Kering 11 Oktober 2023



- Perkumpulan Kampung Pangkat telah membuat kuih-kuih kering bersempena sambutan maulidur rasul bertempat di Pusat Sumber Wanita Kampung Pangkat.



Biskut Susu



Kuih Edram



Muruku



Kuih Jala



Biskut Gunting



Lidah Buaya

Pertandingan Membuat Puding 15 Oktober 2023



PPWS Cawangan dan Daerah Sri Aman terlibat dalam Program Jelajah Kenali Borneo Yang Di Pertuan Agong, Raja Permaisuti Agong bersama anak-anak nya dan rombongan pihak Istana Negara. PPWS Cawangan Sri Aman telah dijemput untuk membuat demo masakan bubur pedas dan pameran kraftangan oleh ahli ppws sendiri.



- Perkumpulan Kpg Melanga Baru telah mengadakan Pertandingan Puding dan Majlis Kesyukuran di ruang Legar Masjid Al Muhtadin Saratok. 4 Perkumpulan telah menyertai pertandingan tersebut dan terdapat seramai 9 penyertaan semuanya. Majlis turut disenikan dengan cabutan tiket bertuah dan jamuan Hi Tea.

Lawatan Muhibbah 27-29 Oktober 2023



- Gambar kenang-kenangan Perkumpulan Kabong Bersama Perkumpulan Green dan perkumpulan Matang



- Makan Malam bersempena lawatan Muhibbah perkumpulan green dan perkumpulan matang

Lawatan Muhibbah PPWS Perkumpulan Green Matang ke Perkumpulan Kabong. Rombongan ini telah diketuai oleh Puan Hamidah Binti Muhammad, Pengerusi Perkumpulan Green. Antara aktiviti yang dilakukan semasa lawatan Muhibbah ialah sukaneka di lapangan Pantai tanjong kembang kabong, demo memasak kuih dan demo asas roti, lawatan ke pengusaha gula tarik kabong.

Pertandingan Sirih Junjung 25 November 2023



- PPWS Daerah Saratok telah mengikuti Pertandingan membuat sirih junjung anjuran Karnival Saberka Kalaka 2023. Objektif program ini adalah untuk mencungkil bakat ahli-ahli dalam membuat sirih junjung yang biasa digunakan sebagai penghulu atau kepala hantaran dalam perkahwinan atau pertunangan orang melayu.

Program Santai Perkumpulan Kampung Tengah Betong 3 Disember 2023



- Perkumpulan Kpg Tengah Betong telah mengadakan program santai bersama keluarga dengan mengadakan pertandingan masakan nasi goreng pataya, pertandingan mewarna kanak-kanak dan dewasa dan senamrobik bersama ahli-ahli. Objektif program ini diadakan adalah untuk meraikan ahli-ahli bersama keluarga mereka dalam program santai dan aktiviti ini merupakan aktiviti akhir tahun perkumpulan.

Lawatan Perkumpulan 4 November 2023



- Perkumpulan Simanggang Town mengadakan hari lawatan ke Serikin, tasik biru dan siniawan bersama 50 orang ahli ppws dan keluarga. Lawatan ini diadakan untuk memberi penghargaan kepada ahli-ahli yang telah memberi komitmen kepada perkumpulan sepanjang tahun 2023.

Bengkel Kemahiran Peningkatan Komuniti 5 Disember 2023



- 5 orang ahli ppws telah mengikuti bengkel kemahiran peningkatan komuniti berkaitan pembuatan kraftangan dari bahan kitar semula anjuran Majlis Daerah Sri Aman dan fasilitator pada hari ini juga merupakan Pengerusi Perkumpulan Kpg Perintah, Puan Angelia David Langi.

Buletin PPWS Cawangan Sibul / Sarikei / Kapit

Program Lawatan Ke Rumah Seri Kenangan Sibul 14 Januari 2023



Selain itu, PPWS juga menyerahkan sumbangan wang kepada penghuni sempena perayaan Tahun Baru Cina. Aktiviti kebajikan sebegini diadakan untuk menyantuni warga emas dan selain mengeratkan silaturahim bersama komuniti berlainan bangsa dan agama. Seramai 20 orang ahli PPWS telah turut serta dalam program ini.

Program Lawatan Ke Rumah Seri Kenangan Sibul yang telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Sibul yang dipengerusikan oleh Puan Zaiton Binti Abdul Kader Bersama Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli dari setiap Perkumpulan. Lawatan Mesra Bersama Penghuni Rumah Seri Kenangan merupakan aktiviti pertama Daerah pada tahun 2023 ini.



Mesyuarat Perwakilan Sesi 2023 -2024 PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit 28 Januari 2023

Mesyuarat Perwakilan PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit Bagi Sesi 2023-2024 telah diadakan di Sibul. Seramai 32 orang ahli PPWS hadir. Exco PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit iaitu Yang Berbahagia Datin Mary Masing serta Puan Hajah Dayang Mariam Binti Abang Mustapa dan Puan Maimunah Yusuf, Pengelola PPWS Cawangan turut hadir dalam mesyuarat ini yang dipengerusikan oleh Puan Ummu Hani Junaidi.

Setiap tahun, program sumbangan kepada golongan yang kurang berkemampuan akan diadakan oleh PPWS Daerah Sibul. Kali ini, program diadakan bersama golongan asnaf, golongan balu dan anak-anak yatim.

Program sebegini adalah aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh PPWS Daerah Sibul bila tiba bulan Ramadan. Seramai 40 orang ahli-ahli PPWS serta jemputan luar telah dijemput untuk hadir dan mereka turut bekerjasama dalam menjayakan program ini.



Ucapan Perasmian oleh Puan Hajah Salemah Chali, Pengerusi PPWS Daerah Sibul



Gambar bersama dengan penerima sumbangan

Majlis sumbangan ini telah dirasmikan oleh Puan Hajah Salemah Chali, Timbalan Pengerusi PPWS Daerah Sibul. Program sebegini merupakan program PPWS di bawah Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi - SFWI Care and Share.

Jalinan Mesra Bersama Warga Jabatan Penjara Malaysia, SibU 2 April 2023



▲ Jawatankuasa PPWS Daerah SibU bergambar bersama warden dan petugas penjara



▲ Ahli-ahli PPWS di hadapan Jabatan Penjara Malaysia, SibU

Program ini merupakan aktiviti tahunan pada bulan Ramadan yang dianjurkan oleh PPWS Daerah SibU. Kali ini, sumbangan makanan diagihkan kepada petugas dan penghuni di Penjara SibU. Makanan yang diagihkan ialah kuih muih, kurma dan Bubur Pedas Sarawak yang disediakan sendiri oleh ahli-ahli PPWS.

Majlis Berbuka Puasa Bersama Ahli-Ahli PPWS Cawangan SibU/Sarikei/Kapit 15 April 2023 Bangunan PPWS SibU



Seramai empat puluh (40) orang hadir ke Majlis Berbuka Puasa yang telah dikelolakan oleh PPWS Cawangan SibU/Sarikei/Kapit dengan gabungan enam (6) Daerah iaitu Daerah SibU, Daerah Sarikei, Daerah Kapit, Daerah Mukah, Daerah Matu dan Daerah Dara. Program ini dirancang oleh Ahli Jawatankuasa PPWS Cawangan bertujuan mengeratkan silaturahim antara ahli-ahli. Turut hadir ke majlis jamuan ini ialah Exco PPWS Cawangan SibU/Sarikei/Kapit iaitu Yang Berbahagia Datin Mary Masing, Puan Ummu Hani Junaidi, Pengerusi PPWS Cawangan SibU/Sarikei/Kapit dan Puan Maimunah Yusuf, Pengelola PPWS Cawangan.

Majlis Sambutan Hari PPWS Peringkat Cawangan SibU/Sarikei/Kapit 5 Mei 2023

Sambutan Hari PPWS di Cawangan SibU/Sarikei/Kapit turut diadakan bagi meraikan Hari PPWS yang jatuh pada 5 Mei setiap tahun. >>



Majlis Ramah Tamah Aidilfitri Lip Lap Raya 7 Mei 2023



➤ Puan Ummu Hani Junaidi, Pengerusi PPWS Cawangan Sibul/Sarikel/Kapit menerima cenderamata daripada PPWS Daerah Sibul disampaikan oleh Puan Zaiton Abdul Kader, Pengerusi PPWS Daerah Sibul.



➤ Ahli-ahli PPWS yang hadir dalam Majlis Ramah Tamah pada malam tersebut

Majlis Ramah Tamah Aidilfitri Lip Lap Raya telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Sibul Seramai seratus lima puluh (150) orang ahli telah hadir ke majlis tersebut. Tujuan utama majlis Ramah Tamah Aidilfitri ini diadakan adalah sebagai salah satu usaha untuk merapatkan jalinan silaturrahim dalam kalangan ahli. Majlis berlangsung dengan penuh mesra dan meriah dengan persembahan nyanyian karaoke daripada ahli-ahli.

Penglibatan PPWS Dalam Pesta Daro 2023 30 - 31 Ogos 2023



Jawatankuasa PPWS Daerah Daro telah diberi mandat untuk mengelolakan Pertandingan Poco-Poco dan Pertandingan Masakan sempena Pesta Daro 2023 yang telah diadakan selama dua (2) hari. Pengerusi PPWS Daerah Daro, Puan Aisah Naderi bersama Ahli Jawatankuasa telah bertungkus lumus memastikan aktiviti yang dikelola berjalan dengan lancar.

Dalam Pesta Daro pada kali ini, ada diadakan pameran gerai komuniti, seni serta budaya, pelancongan dan pendidikan, pembangunan usahawan, sukan dan riadah, pembangunan ekonomi, pentas rakyat, agensi bersama rakyat, pemimpin bersama rakyat dan pelbagai lagi. Pesta kali ini turut menyediakan peluang ekonomi kepada masyarakat setempat dan luar melalui penyediaan seratus empat puluh lima (145) gerai jualan.

Pesta Raya Sanyan Bersama PPWS Daerah Sibü 9 May 2023



Pesta Raya Sanyan telah diadakan di Sibü dengan berkolaborasi bersama PPWS Daerah Sibü. Program ini adalah jemputan dari pihak Pengurusan Sanyan bagi memeriahkan suasana hari raya di Wisma Sanyan.

Program turut dimeriahkan dengan kehadiran Yang Berusaha Cr Mohammed Abdullah Izkandar Bin Dato Roseley, Timbalan Pengerusi Majlis Pemandaran Sibü. Wakil PPWS yang hadir ialah Puan Ummu Hani Junaidi, Pengerusi Cawangan Sibü/Sarikei/Kapit dan Puan Zaiton Abdul Kader, Pengerusi PPWS Daerah Sibü. Beberapa persembahan tarian oleh Perkumpulan yang hadir dipersembahkan kepada tetamu dan orang awam yang hadir.

Pesta Kebudayaan Borneo (BCF) 2023 Malam Pavilion Melayu Melanau 19 Julai 2023



Kumpulan penari yang telah membuat persembahan pada festival tersebut

Seramai seratus lima puluh (150) ahli-ahli daripada badan bukan kerajaan (NGO) telah berkolaborasi dengan Majlis Perbandaran Sibü menjayakan Pentas BCF 2023 di Pavilion Melayu Melanau. Sambutan tahun ini bertemakan flora dan fauna dengan persembahan yang berwarna-warni dari pelbagai komuniti.

Setiap tahun, PPWS akan dijemput untuk menyertai persembahan tarian. Turut hadir merasmikan program ini ialah Yang Berhormat Datuk Dr Annuar Bin Haji Rapae, Timbalan Menteri Pendidikan Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N.55 Nangka.

Penglibatan PPWS dalam festival ini adalah satu penghargaan kepada PPWS sebagai sebuah badan NGO wanita di Sarawak.

Seminar Kesedaran Keganasan Rumahtangga Di Sarawak 24 Jun 2024



Para peserta bersama para penceramah bertempat di Sibul dalam Seminar Kesedaran Keganasan Rumahtangga di Sarawak



DSP Jennifer Atok, Pegawai Turus, Bahagian Siasatan Seksual, Wanita Dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah sedang menyampaikan ceramah

Seramai enam puluh (60) orang peserta telah hadir mendengar sesi Ceramah Kesedaran Keganasan Rumahtangga Di Sarawak yang dianjurkan PPWS pada kali ini. Seminar ini diadakan bertujuan membantu kerajaan memerangi isu ini selain memberikan kesedaran terhadap hak-hak mangsa keganasan rumah tangga untuk mendapatkan perlindungan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Seminar ini juga bertujuan untuk menyampaikan

maklumat berkaitan keganasan rumahtangga dan saluran bantuan khidmat sokongan yang boleh diperolehi oleh mangsa keganasan rumahtangga.

Untuk makluman, berdasarkan rekod Polis DiRaja Malaysia (PDRM), mangsa keganasan rumah tangga ini tidak hanya melibatkan isteri atau anak, malah para suami juga turut ada yang menjadi mangsa penderaan. Antara kes yang dilaporkan termasuklah kecederaan selepas pertengkaran selain penderaan mental serta emosi. Penceramah yang dijemput ialah daripada Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Program Semarak Kemerdekaan Tahun 2023 26 Ogos 2023



Aktiviti senamrobik



Pertandingan Mewarna Kategori Kanak-Kanak



Puan Sahirah, Timbalan Pegawai Majlis Keselamatan Negara Negeri Sarawak, Bahagian Sibul menerima cenderamata daripada PPWS disampaikan oleh Puan Zaiton Abdul Kader, Pengerusi PPWS Daerah Sibul



Pertandingan Mewarna Kategori Dewasa



Puan Zaiton Abdul Kader sedang mencuba membuat sendiri Kuih Penyaram sedang dit

Program Semarak Kemerdekaan Tahun 2023 telah diadakan di Bangunan PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit dengan usahasama Majlis Keselamatan Negara Negeri Sarawak, Bahagian Sibul. Program ini telah dirancang selama tempoh dua (2) bulan dan telah dilaksanakan dengan jayanya.

Objektif penganjuran program ini ialah memupuk semangat patriotik dan cintakan tanah air dalam kalangan rakyat Malaysia dan mengukuhkan nilai-nilai murni masyarakat yang berjiwa merdeka. Penglibatan ahli-ahli PPWS serta orang awam amat menggalakan kerana pelbagai aktiviti diadakan seperti senamrobik, Pertandingan Mewarna (Kategori Kanak-Kanak dan Dewasa), Demonstrasi Masakan Penyaram dan Cucur Daun Singkil.

Lawatan Jelajah Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak 4 September 2023



Program Lawatan Jelajah PPWS Cawangan Kuching/Samarahan kali ini memilih Kapit dan Sibul untuk program sosial mereka. Melalui lawatan ini, rombongan ke Daerah Kapit dengan beramah mesra bersama ahli-ahli di PPWS Daerah Kapit dan PPWS Daerah Song. Rombongan mereka telah disambut mesra oleh Puan Pauline Manjah, Pengerusi PPWS Daerah Kapit. Selepas itu, rombongan ke Sibul dan berkesempatan melawat Bangunan PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit. Rombongan turut dibawa melawat Masjid Al-Qadim dan Galeri Rosli Dhobi.

Pada sebelah malamnya, rombongan diraikan oleh PPWS Daerah Sibul dengan mengadakan Majlis Jamuan Makan Malam bersama PPWS Cawangan Kuching/Samarahan.

Puan Hamidah Muhammad telah berkongsi ilmu dengan ahli-ahli PPWS di Sibul dengan menunjuk ajar cara memasak Ayam Kerisik.



Sambutan Hari Terbuka ke 60 Tahun PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit 18 November 2023



➤ Aktiviti senamrobik diadakan di sebelah pagi



➤ Ketibaan Pengerusi Negeri PPWS ke Bangunan PPWS semasa sesi jualan usahanita PPWS



➤ Sesi Memotong Kek 60 Tahun PPWS



➤ Ucapan Perasmian oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS Sempena Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Ke-60 PPWS



➤ Puan Norjanah Haji Razali, Pengerusi KOPERWANIS bersama Ahli Lembaga Koperasi melawat booth usahawan



➤ Antara penerima asnaf yang menerima Mesin Alat Tekanan Darah yang hadir semasa Majlis Makan Malam



➤ Puan Ummu Hari Junaidi mewakili PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit menerima dana melalui Tabung SFWI Care and Share untuk aktiviti kebajikan

Sambutan Hari Terbuka Sempena 60 Tahun PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit telah diadakan di Bangunan PPWS Cawangan Sibul/Sarikei/Kapit. Pelbagai aktiviti diadakan seperti jualan dan Pertandingan Booth antara Daerah-Daerah. Selain itu, turut diadakan ialah Pertandingan Masakan Bubur Manis dan Bubur Nasi, aktiviti senamrobik.

Program ini telah dihadiri oleh Pengerusi Negeri, Puan Hajah Aishah Binti Edris dan Puan Norjanah Binti Razali, Pengerusi Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS) merangkap Naib Pengerusi Negeri.

Pada sebelah malamnya, Majlis Makan Malam diadakan dan sesi penyerahan Mesin Alatan Tekanan Darah kepada enam (6) orang penerima

dari golongan asnaf turut disampaikan oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS. Bantuan ini diberikan di bawah Tabung SFWI Care and Share. Diharapkan penyerahan alatan ini dapat memberi kemudahan kepada mereka untuk memantau kesihatan diri dan keluarga.

Buletin PPWS Cawangan Miri / Bintulu

Carboot Sale 4 Oktober 2023



Banner program Bangunan PPWS Miri yang terletak di Jalan Jee Foh Utama, Miri



Salah seorang peserta jualan yang menjual produk ikan bilis, cili segar dan air kordial

Jawatankuasa Bangunan PPWS Cawangan Miri/Bintulu telah mengadakan "Carboot Sale" bertempat di Bangunan PPWS Miri.

Seramai dua puluh satu (21) buah vendor telah menyertai aktiviti ini. Dana hasil daripada acara ini digunakan untuk menampung kos penyelenggaraan bangunan PPWS Miri.

Lawatan Balas Ke Perkumpulan Gartak, Miri 26 Februari 2023



Perkumpulan Gartak membuat Demonstrasi Kuih Bipang Kacang semasa lawatan balas dari PWS Cawangan Kuching/Samarahan. Turut hadir dalam lawatan balas tersebut ialah Exco Cawangan Kuching/Samarahan Puan Hajah Suriani Haji Rapaiee dan Yang Berbahagia Dr Azlina Bujang. Jawatankuasa Induk juga turut serta dalam program ini.

Kursus Pengendalian Makanan 14 Februari 2023

PPWS Daerah Bintulu/Tatau telah menganjurkan Kursus Pengendalian Makanan di Bangunan PPWS Bintulu. Kursus ini dihadiri seramai tiga puluh (30) orang ahli PPWS dan "Sri Kandi Dapur" PPWS Daerah Bintulu. Kursus sebegini penting disertai oleh ahli-ahli PPWS Daerah Bintulu kerana mereka aktif menyediakan tempahan makanan katering bagi majlis perkahwinan dan acara jamuan yang dianjurkan oleh badan kerajaan maupun swasta.



Ahli PPWS Daerah Bintulu/Tatau yang telah menerima sijil penyertaan kursus dan mereka bergambar bersama tenaga pengajar



Peserta tekun mendengar penerangan yang disampaikan oleh tenaga pengajar dalam sesi kursus ini

Hubungan Usahawan Miri Dan Negara Brunei Darussalam Terus Diperkukuh 2 - 3 September 2023

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak Cawangan Miri/Bintulu telah menerima lawatan daripada Persatuan Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam. Lawatan sambal belajar ini telah diketuai oleh Puan Hajah Hammah binti Puasa dan beliau telah melawat ke bangunan PPWS bagi mengadakan jaringan perniagaan serta mengenali usahawan-usahawan berjaya dalam kalangan ahli PPWS di Miri.

Puan Hashimah Binti Wahab, Naib Pengerusi PPWS Cawangan Miri/Bintulu bersama lebih kurang 100 orang ahli menyambut mesra kedatangan rombongan dari Brunei ini. Mereka telah mengadakan sesi padanan perniagaan dan sesi pembelajaran di Bangunan PPWS Miri. Para Pengusaha Wanita di Brunei telah menunjukkan demonstrasi menyediakan makanan tempatan seperti Sri Kaya, Telur Malaysia Madani. Selain itu, Kelas Asas Dandan dan turut diadakan.

Rombongan Persatuan Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam turut mengadakan lawatan ke Galeri Kek Lapis Sarawak Siti Payung yang diketuai oleh Puan Halifah dan Puan Zuraidah. Tujuan lawatan ini adalah untuk mereka mengenali usahawan berjaya di Miri serta mempelajari teknik membuat kek lapis.

Lawatan ini disertai oleh lebih kurang 50 orang ahli. Turut hadir bersama rombongan adalah Pengelola PPWS Cawangan Miri/Bintulu, Puan Sofiani Usop.



➤ Puan Hajah Rubiah Hasbi menunjukkan demonstrasi membuat telur "Malaysia Madani" dan disaksikan oleh para



➤ Puan Hashimah Wahab dan Puan Hajah Hammah Puasa (di tengah) bersama ahli-ahli PPWS dan rombongan Persatuan Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam



➤ Pengerusi Pengerusi Perkumpulan Bersama AJK Daerah Miri/Lutong bersedia menyambut kedatangan pelawat.

Dari Kiri :Rubiah Binti Tari, Siti Safim, Rahani Ismail, Halifah Mohamad, Sharifah Muhainie, Cr Saleha Basi, Rosnani Abdullah, Rohayati Awi dan Sh Zuridah Wan Hill (Pengerusi Daerah Miri/Lutong)



➤ Pemilik Produk Kek Lapis Sarawak, Siti Payung Encik Hafidz Rohani dan Puan Juliana bersama ahli-ahli PPWS dan rombongan dari Brunei bergambar di hadapan Galeri Kek Lapis Sarawak Siti Payung

Perasmian Pagar Baru Bangunan PPWS Cawangan Miri / Bintulu 7 Ogos 2023

Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew, Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Pelancongan) merangkap ADUN N73 Piasau, Miri telah merasmikan pagar baru bangunan PPWS Cawangan Miri/Bintulu yang terletak di Krokop.

Projek membuat pagar baru ini telah diluluskan oleh beliau pada tahun lepas di bawah RTP 2022 sebanyak RM100,000.00. Projek ini mengambil masa 4 bulan untuk disiapkan.

Turut hadir di majlis ini adalah Ketua Masyarakat, Exco PPWS Cawangan Miri/Bintulu, Puan Hilda Mesen Mayor, Dato Ursula Goh, wakil pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), wakil kontraktor serta ahli-ahli PPWS.

Dalam majlis ini, Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting turut menyerahkan cek sebanyak RM10,000.00 untuk PPWS Cawangan Miri/Bintulu menjalankan aktiviti PPWS.



➤ Datuk Sebastian Ting memotong riben sebagai simbolik perasmian pagar sambal disaksikan oleh Dato Ursula Goh dan Puan Hilda serta Pengerusi Bangunan PPWS Miri merangkap Pengerusi Cawangan, Puan Siti Aminah Ismail

Mesyuarat Perwakilan PPWS Cawangan Miri / Bintulu Sesi 2023-2024 4 Februari 2023

PPWS Cawangan Miri / Bintulu telah mengadakan Mesyuarat Perwakilan Sesi 2023-2024 di Hotel Imperial Palace, Miri.

Sebanyak 12 orang Perwakilan dari Daerah Miri/Lutong, Daerah Bekenu dan Daerah Bintulu/Tatau telah hadir di mesyuarat tersebut.

Bagi Sesi 2023-2024, Pengerusi PPWS Cawangan Miri / Bintulu ialah Puan Siti Aminah Ismail. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Exco PPWS Cawangan Miri / Bintulu, Puan Julia Fredina Munah ak Payeng dan Pengelola PPWS Cawangan Miri / Bintulu, Puan Sofiani Usop.



Perwakilan yang hadir mesyuarat bergambar bersama Exco PPWS Cawangan Miri/Bintulu



Jawatankuasa PPWS Cawangan Miri/Bintulu Sesi 2021-2022 bersama Exco PPWS, Puan Julia Fredarina dan Pengelola Cawangan PPWS, Puan Sofiani Usop

Program Langkah Perpaduan 23 Ogos 2023

PPWS Daerah Bekenu telah menganjurkan Program "Langkah Perpaduan" yang telah disertai lebih kurang lima puluh (50) orang ahli PPWS Daerah Bekenu dan juga wakil daripada beberapa persatuan lain. Acara berjalan kaki bermula seawal jam 6.30am dari RTC Bekenu menuju ke Kampung Pintasan Tiris. Program telah dirasmikan oleh Penghulu Kawasan iaitu Encik Jalil dan dihadiri oleh penduduk di sekitarnya. Selain itu, turut diadakan sukaneka seperti acara memancing di tebingan sungai serta jamuan makan tengah hari beramai-ramai di Kampung Pintasan Tiris.



Peserta bergambar di Jambatan Kampung Rambai sebelum meneruskan perjalanan ke Kampung Pintasan Tiris



YB Datuk Sebastian Ting menyampaikan cek geran aktiviti kepada Pengerusi Cawangan disaksikan oleh Dato Ursula Goh, ahli-ahli PPWS dan beberapa orang Ketua Masyarakat



Pihak JKR menyampaikan sijil penerimaan projek kepada Pengerusi Bangunan PPWS Miri disaksikan oleh YB Datuk Sebastian Ting



Peserta-peserta sedang berjalan kaki beramai-ramai

Sambutan Hari PPWS Mei 2023

Beberapa Daerah dan Perkumpulan di bawah PPWS Cawangan Miri/Bintulu telah mengadakan sambutan Hari PPWS dan sekali meraikan bersama Ramah Tamah Hari Raya di peringkat masing-masing. Sambutan tersebut diraikan bersama ahli-ahli PPWS di samping dapat mengeratkan silaturahim di antara satu sama lain.



➤ Sambutan Hari PPWS dan Ramah Tamah Hari Raya anjuran PPWS Perkumpulan Marudi



➤ Sambutan Hari PPWS dan Ramah Tamah Hari Raya anjuran PPWS Daerah Miri/Lutong yang dihadiri oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey binti Haji Yurus



➤ Sambutan Hari Raya, Hari PPWS, Pra Gawai dan Hari Ibu dianjurkan oleh PPWS Perkumpulan Sepupok Niah bertempat di Balai Raya Sepupok



➤ Sambutan Hari Raya dan Hari PPWS anjuran PPWS Daerah Bintulu/Tatau yang diadakan di Li Hua Hotel Bintulu

Sumbangan Ramadan 2023

PPWS Daerah Bintulu/Tatau setiap tahun akan mengadakan Program Infak Ramadan. Pada tahun ini, program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Talip Zulphilip. Beliau sentiasa memberi kerjasama jitu kepada PPWS Daerah Bintulu/Tatau dalam apa-apa program yang dianjurkan oleh PPWS Daerah Bintulu. Barangan infak adalah hasil sumbangan yang diterima daripada ahli serta penderma perseorangan. Sumbangan ini kemudian diagihkan kepada ahli-ahli asnaf.



➤ Yang Berhormat Datuk Talip Zulphilip dan isteri bergambar bersama Pengerusi Daerah, Puan Hashimah Wahab serta Ahli Jawatankuasa PPWS Daerah Bintulu/Tatau



➤ Turut hadir bagi memeriahkan program ialah Exco PPWS Cawangan Miri/Bintulu, Puan Hilda Mesen Mayor dan Puan Julia Payeng bersama Puan Siti Aminah Ismail, Pengerusi PPWS Cawangan Miri/Bintulu



➤ Ahli-ahli PPWS Daerah Bintulu bersama Exco serta Pengerusi PPWS Cawangan Miri/Bintulu dan Puan Sofiani Usop, Pengelola PPWS Cawangan Miri/Bintulu

Buletin PPWS Cawangan Limbang / Lawas

Sambutan Hari PPWS 2023 & Majlis Ramah Mesra Aidilfitri PPWS Daerah Limbang 5 Mei 2023



➤ Seramai 600 orang ahli PPWS telah menghadiri Sambutan Hari PPWS 2023 & Majlis Ramah Mesra Aidilfitri PPWS Daerah Limbang pada 5 Mei 2023 di Dewan Suarah Limbang



➤ Empat orang ahli seumur hidup juga telah diberikan Anugerah Jasamu Dikenang kerana mereka antara yang terawal yang terlibat dalam PPWS di Daerah Limbang.



➤ Sambutan Hari PPWS 2023 & Majlis Ramah Mesra Aidilfitri PPWS Daerah Limbang Bertemakan "Kesaksamaan Wanita Pemangkin Generasi Madani" Telah Dirasmikan Oleh Yang Berbahagia Tuan Sulaiman Engal Pegawai Daerah Limbang (empat dari kiri) Turut Hadir Pengerusi PPWS Cawangan Limbang Lawas, Puan Suryah Jinin.

Seminar Kesedaran Keganasan Rumah Tangga di Sarawak PPWS Cawangan Limbang/Lawas 10 Jun 2023



Objektif penganjuran program ini adalah memberi maklumat dan kefahaman sahih mengenai isu-isu keganasan rumahtangga dan kewujudan badan-badan yang dapat membantu wanita yang menjadi mangsa keganasan selain dari memberi pendedahan dan kefahaman undang-undang yang melindungi hak wanita dan kanak-kanak.



➤ Puan Suryah Jinin, Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas Menyampaikan Cenderahati Kepada Encik Harry Ak Silas Tirau, Penceramah Ketua Cawangan Penguatkuasaan / Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak.



➤ DSP Jennifer Atok Pegawai Turus, Bahagian Siasatan Seksual, Wanita Dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah sedang menyampaikan ceramah bertajuk Literasi Undang-Undang Yang Melindungi Wanita & Biro Bantuan Guaman

Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Ke-61 Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak Peringkat Negeri Sarawak 8 Julai 2023 Hotel Purnama, Limbang



Gambar Kenangan Barisan Jawatankuasa Majlis Makan Malam PPWS Cawangan Limbang/Lawas Bersama Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak, Menteri Sumber Asli Dan Pembangunan Bandar II, Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri Dan Pelaburan Sarawak.



Dari Kiri : Turut hadir Datuk Dr Haji Abdul Rahman Ismail, Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Haji Hasbi Habibollah Ahli Parlimen P221 Limbang, Encik Yunus Tambi, Residen Bahagian Limbang, Pengerusi PPWS Sarawak, Puan Hajah Aishah Edris. (tiga dari kiri), Puan Hajah Rugayah Majid, Penasihat PPWS dan Puan Suryah Jinin, Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas



Penerima Anugerah Jasamu Dikenang sempena Ulang Tahun Ke-61 Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak Peringkat Negeri Sarawak Puan Hajah Rusnah binti Hasbollah.

Sesi Ceramah Dan Pemeriksaan Kesihatan Wanita 27 Julai 2023 Limbang, Lawas

Perkumpulan Rumah Imau, Limbang telah menjemput Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang untuk menyampaikan ceramah dan membuat pemeriksaan kesihatan kepada ahli-ahli PPWS. Objektif program ini diadakan untuk mengesan tanda-tanda awal penyakit kanser payudara dan kanser serviks.

Kanser payudara adalah barah utama yang menyerang dan penyebab utama kematian dalam kalangan wanita. Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri, kanser payudara mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 34.1 peratus berbanding kanser lain dalam kalangan wanita di Malaysia. Ini bermakna kadar insiden kanser payu dara di Malaysia adalah 34.1 kes bagi setiap 100,000 populasi wanita.

Oleh itu Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita (WCare) dan perkhidmatan ujian mamogram serta Saringan Kanser Serviks (HPV DNA) perlu dibuat oleh semua wanita yang berumur 30 tahun dan ke atas dalam tempoh tiga hingga lima tahun sekali.



Ahli Perkumpulan Rumah Imau bersama penceramah daripada Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang

Program sempena Sambutan Hari Malaysia Perkumpulan Kampung Limpaong Limbang 16 September 2023



➤ Pelbagai aktiviti telah diadakan sempena sambutan Hari Malaysia antaranya Senaman Zumba, Pertandingan Mewarna dan Cabutan Nama Bertuah bagi menarik lagi minat ahli-ahli di perkumpulan untuk menyertai aktiviti anjuran PPWS.



➤ Pertandingan Mewarna pelbagai kategori peringkat umur juga telah diadakan semasa Sambutan Hari Malaysia Perkumpulan Kampung Limpaong Limbang

Pertandingan Seni Marhaban Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1445H/2023M 27 September 2023 Lawas, Sarawak

Pertandingan Seni Marhaban Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1445H/2023M anjuran Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak Daerah Lawas dan Pejabat Tabung Baitulmal Lawas telah diadakan pada 27 September 2023 di Stadium Tertutup Lawas dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak.



➤ Puan Suryah Jinin, Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas menyampaikan cenderamata kepada Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak

Pertandingan Sepanduk (Kategori Persatuan) Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Lawas 28 September 2023



➤ PPWS Daerah Lawas telah mendapat Tempat Ketiga dalam Pertandingan Sepanduk (Kategori Persatuan) sempena Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini



➤ Puan Suryah Jinin, Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas (tengah) turut sama menyertai perarakan mewakili PPWS Daerah Lawas

Majlis Penyerahan Geran MRP 2023 Kepada PPWS Daerah Lawas 28 September 2023

Majlis Penerimaan Geran MRP 2023 oleh Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak telah diadakan dan beliau memberi sumbangan geran berjumlah RM50,000.00 kepada dua puluh lima (25) buah Perkumpulan PPWS Daerah Lawas pada 28 September 2023 di Hotel Seri Malaysia Lawas. Hadir sama, Yang Berhormat Dato Henry Sum Agong, Ahli Parlimen P222 Lawas.



Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak sedang menyampaikan geran kepada salah seorang wakil Perkumpulan



Yang Berhormat Dato Henry Sum Agong telah menyerahkan sumbangan geran kepada Puan Norairani Abdullah Kadir, Pengerusi Perkumpulan Kampung Noor Islam Kuala Lawas. Turut hadir, Tuan Haji Unus bin Tambi, Residen Bahagian Limbang (kanan)



Salah seorang wakil Perkumpulan sedang menerima sumbangan geran yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Henry Sum Agong

Festival Makanan Tradisional Borneo Madani Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah 6 - 8 Oktober 2023

Pertubuhan Inspirasi Wanita Labuan (LANITA) telah menjemput Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) Daerah Limbang untuk menghadiri Festival Makanan Tradisional Borneo Madani Wilayah Persekutuan yang telah diadakan selaman tiga (3) hari. Seramai sembilan (9) orang rombongan ahli PPWS Daerah Limbang yang diketuai oleh Puan Hajah Dayang Suridah Mohd Superi telah menyertai festival tersebut bertempat di Ujana Kewangan Labuan.

PPWS Daerah Limbang telah dijemput sebagai pempamer dan mempromosikan barangan kraftangan dan makanan berasaskan kuih kering tempatan dan produk ikan tahai. Selain itu, buku-buku resepi keluaran PPWS juga turut dijual.



Puan Hajah Dayang Suridah Mohd Superi menyerahkan cenderamata kepada Encik Rosli bin Mat Jinun, Penolong Pegawai Tadbir Tinggi, Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia WP Labuan (Tiga dari kiri) dan diiringi oleh Puan Maureen Tidal, Pengerusi Pertubuhan Inspirasi Wanita Labuan (LANITA) (Dua dari kiri)

Pelbagai barangan kraftangan dan makanan tradisi Sarawak telah dipamerkan dan dijual termasuk memperkenalkan buku-buku resepi terbitan PPWS.



Ahli PPWS Daerah Limbang, Puan Amah Usop (kiri) dan Puan Sarinah Masi (kanan) membuat demonstrasi kuih tradisi masyarakat Cina "kuih angku"



Pesta Menumpah Ambuyat Sempena Sambutan Pesta Hari Bukit Mas 2023 8 Oktober 2023 Limbang, Sarawak

Pesta Hari Bukit Mas 2023 yang merupakan salah satu aktiviti tahunan di Limbang. PPWS yang juga merupakan rakan strategik Majlis Daerah Limbang tidak ketinggalan dijemput untuk menyertai program ini pada setiap tahun dan PPWS sentiasa memberi sokongan padu dalam apa-apa program yang dianjurkan bersama komuniti.



➤ Majlis Daerah Limbang telah memilih PPWS Daerah Limbang untuk menggalas tugas menumpah ambuyat sebagai hidangan percuma kepada orang ramai.



➤ Puan Rosnani Samad, ahli Perkumpulan Kampung Pabahanan Limbang sedang menyediakan ambuyat kepada pengunjung yang hadir.



➤ Walkota Majlis Daerah Limbang, Kaunselor Sufian bin Mohat (tengah) sedang menunjukkan kebolehan beliau menumpah ambuyat. Turut hadir, Kaunselor Niti binti Rosli, Ketua Wanita PBB N79 Bukit Kota Limbang. (kini)

Program W-Fit @ Community 2023 Peringkat Bahagian Limbang 19 Oktober 2023

Program Program W-Fit @ Community 2023 dianjurkan bagi menarik minat kaum wanita khususnya di peringkat Daerah Limbang untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti kecergasan seterusnya dapat menerapkan budaya hidup yang cergas, aktif dan sihat dalam kehidupan seharian.

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan keseronokan dan saling memberi inspirasi dalam kalangan wanita (feel good factor) untuk mengaktifkan diri dalam aktiviti kecergasan selain untuk mempromosi kepelbagaian aktiviti kecergasan kepada golongan wanita.

Seramai enam puluh (60) orang wanita telah dijemput hadir bagi menyertai Program W-Fit @ Community 2023 Peringkat Bahagian Limbang yang telah dianjurkan oleh Pejabat Belia & Sukan bersama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak Daerah Limbang.



➤ Peserta program juga diajar cara senaman yang betul bersesuaian dengan objektif program iaitu menyemai budaya hidup aktif di kalangan wanita dalam kehidupan seharian



➤ Peserta PPWS Daerah Limbang yang telah menyertai Program W-Fit @ Community 2023 Peringkat Bahagian Limbang bertempat di Pejabat Belia & Sukan, Limbang